

## Perlaksanaan Perundangan Syariah dalam Era Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah: Mercu Tanda Kegemilangan Islam Kontemporari

Abdurrahman Raden Aji Haqqi  
Penolong Kanan Profesor  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
(UNISSA)  
[abdurrahman.haqqi@unissa.edu.bn](mailto:abdurrahman.haqqi@unissa.edu.bn)

Vol.2, Issue 2 | July 2019

### KATA-KATA KUNCI

syariah – era KDYMM  
Sultan –fenomena -  
cemerlang

### ABSTRAK

Pada ketika negara-negara Islam dalam proses mengurangi pengaruh undang-undang Islam dalam sistem perundangannya, Negara Brunei Darussalam mengambil langkah sebaliknya. Brunei Darussalam malah memperkuat perundangan Islam dalam sistem pentadbirannya secara keseluruhannya. Pada ketika negara-negara di dunia sibuk dengan kemajuan dunia, Negara Brunei Darussalam berani melihat ke hadapan dengan mengambil kira kehidupan ukhrawi dengan Gagasan dan pelaksanaan Negara Zikir. Pada ketika negara-negara lain mempromosikan keagungan hidup dunia, Negara Brunei Darussalam sedang dalam menyempurnakan negara dengan sifat *Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur*. Undang-undang Syariah yang kukuh; Negara Zikir yang dicita-citakan; dan *Baldatun Tayyibatun Ghafurun* yang sedang disempurnakan merupakan tonggak kemajuan Negara Brunei Darussalam yang berpaksikan alam yang kekal pada hari kandila sebagaimana yang sentiasa dikumandangkan dan ditegaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selama pemerintahan Baginda dari 5 Oktober 1967 hingga hari ini. "Adalah menjadi hasrat Beta dan Kerajaan Beta untuk terus memelihara ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai suatu cara hidup dan landasan kepada pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam – sesuai dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Negara." (Petikan Titah sempena pembukaan rasmi Persidangan Belia Islam Asia Tenggara dan Pasifik di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Pada 18 Mac, 1984) Kertas kerja ini menggunakan metod deskripsi dan kajian perpustakaan di mana ia membaca, memerhati, mengkaji dan menganalisis rujukan-rujukan yang sedia ada. Dan sebagai temuan akhir kertas kerja ini didapati bahawa perlaksanaan Syariah dalam era Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah merupakan mercu tanda kegemilangan Islam kontemporari yang menjadikan Negara Brunei Darussalam mempunyai karakter, kecemerlangan dan keunggulan tersendiri dalam kancah pergumulan perjalanan negara-negara di dunia hari ini.

*kukuh dan malahan berjaya membawa kebijakan kepada rakyat dan negara."*

## Pendahuluan

Negara Brunei Darussalam sangat terkenal dengan kekuatan falsafah negara oleh seluruh dunia, berlandaskan falsafah negara iaitu konsep MIB "Melayu Islam Beraja". Kemakmuran rakyat, serta kesejahteraan seluruh pendudukannya sangat menjamin perpaduan dan keamanan dengan pimpinan di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah - *Hafizahullah Wara'ahu-*. Dengan konsep Melayu Islam Beraja ini juga Negara Brunei dapat membangun dengan masyarakat yang sihat dengan membekalkan keislaman yang murni.

Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang membangun dan terus meningkat dan berkembang pembangunannya selama 50 tahun di bawah naungan Baginda Sultan *-afizahullah Wara'ahu*. Dalam titah Baginda Sultan *-Hafizahullah Wara'ahu-* sempena Sambutan Jubli Perak Pada 5 Oktober 1992 ada dititahkan:

*"Beta bersyukur, bahawa dengan izin Allah dan dengan berkat muafakat serta nasihat daripada pembesar-pembesar negara, dan lebih-lebih lagi dengan adanya sokongan dan dukungan yang padu daripada kalangan rakyat sekalian, maka dalam masa 25 tahun pemerintahan beta, Negara Brunei Darussalam telah dapat meningkat dan berkembang sebagai sebuah negara yang membangun.*

*Memanglah dalam masa yang panjang itu, banyak cabaran dan liku-liku yang mesti kita tempuh. Tetapi alhamdulillah, semuanya itu telah berjaya kita lalui dengan cara dan stail yang tersendiri dengan mengutamakan sifat-sifat bijaksana lagi penuh berhati-hati.*

*Sejarah bangsa dan negara yang panjang telah menjadikan kita suatu bangsa yang gigih lagi berupaya, iaitu berupaya bagaimana hendak mengharungi masa depan kita dengan mengutamakan perpaduan di antara raja dan rakyat. Dengan cara inilah, kita telah dapat membawa negara kita mencapai matlamat-matlamatnya dengan lancar dan selamat, dengan tiada perlu melalui rintangan-rintangan besar. Sekiranya pun ada terdapat sebarang masalah, semuanya itu dapat kita urus dan selesaikan berdasarkan semangat muafakat dan persefahaman yang ikhlas.*

*Semua ini jika kita teliti dan perhatikan dengan jujur, membuktikan bahawa sistem pemerintahan yang kita amalkan selama ini yang telah berjalan sekian lama itu, adalah*

Sepanjang era pemerintahan baginda semenjak pertabalan Baginda Sultan *-Hafizahullah Wara'ahu-* pada 5 Oktober 1967, rakyat dan penduduk negara ini telah banyak mendapat faedah dan kebijikan hasil dari pencapaian negara. Kemakmuran, kestabilan dan keamanan terus diperolehi berkat pegangan negara yang sentiasa teguh kepada nilai-nilai dan konsep negara MIB yang diamalkan turun-turun. Dan juga telah berjaya meletakkan Negara Brunei Darussalam seiring dengan negara-negara maju di dunia. Semua ini adalah berkat kepimpinan baginda. Berkat kepimpinan, keazaman yang tinggi dan kuat dari baginda, negara telah dapat mengharungi pelbagai cabaran globalisasi di mana tanpa adanya kekuatan segala cabaran pastinya tidak akan dapat diatasi. Di bawah kepimpinan baginda, agama Islam sentiasa dimartabatkan sebagai pegangan dan panduan dalam pemerintahan Kerajaan Brunei Darussalam, di samping didukung oleh ketaatan rakyat terhadap kepimpinan baginda, dan seterusnya menjadikan negara ini sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Semua yang telah negara capai itu adalah atas berkat negara sebagai Negara MIB dan 'Negara Zikir' yang mengarah ke *Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur* yang telah lama melaksanakan ajaran agama Islam berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunnah mengikut kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang telah dapat menyatupadukan masyarakat Brunei Darussalam sehingga kita hidup aman damai dan harmoni. Juga telah menjadikan rakyat dan penduduk khasnya, umat Islam amnya tidak mudah terpengaruh dengan fahaman yang ingin memesangkan akidah dan syiar agama Islam yang suci yang kita amalkan, yang boleh menggugat keharmonian dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini.

Di dalam tulisan ini, penulis akan mencuba untuk menyoroti perlaksanaan perundangan syariah dalam era Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah - *Hafizahullah Wara'ahu-* secara khusus dengan menfokuskan tulisan pada beberapa perkara perbincangan termasuk yang berkaitan dengan syariah sebagai pembukaan perbincangan kemudian diikuti dengan sorotan terhadap era pemerintahan Baginda Sultan dan fenomena perlaksanaan perundangan syariah dan diakhiri dengan sebuah penutup. **والله ولي التوفيق.**

**Perundangan Syariah Pemberi Kehidupan Negara Sesuai Dengan Kehendak Allah Subhanahu Wata'ala**

Perundangan syariah dikatakan begitu luas sekali dilaksanakan di dalam kerajaan-kerajaan Islam di alam Melayu ini tidak terkecuali Negara Brunei Darussalam. Undang-undang jenayah Islam, sebagai contoh, telah dilaksanakan seperti hukuman mencuri, berzina, bunuh dan sebagainya. Faraid Islam juga dilaksanakan dalam pembahagian pusaka, muamalah Islam juga diamalkan dalam jual beli, nikah kahwin dan lain-lain.

Perundangan syariah mempunyai beberapa ciri yang membezakannya dengan hukum-hukum lainnya, misalnya hukum yang diciptakan manusia. Antara ciri-ciri tersebut ialah:<sup>1</sup>

- 1) Perundangan syariah adalah berteraskan wahyu.
- 2) Perundangan syariah diterangkan, difahami sama ada secara langsung atau ijtihad, berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah.
- 3) Perundangan syariah Islam berteraskan kesedaran beragama dan berakhhlak. Hukum Islam tidak pernah memisahkan antara nilai-nilai undang-undang dengan nilai-nilai agama di dalam ketentuannya. Wujudnya konsep halal haram di dalam kehidupan umat Islam adalah satu kenyataan yang jelas.

Syariah dalam bahasa Arab bererti sumber air, aliran dan jalan yang lurus. Syariah Islamiyyah menurut istilah ialah hukum-hukum yang disyara'kan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk hamba-Nya, sama ada yang berkaitan dengan aqidah, ibadat, akhlak, muamalat, dan sistem-sistem hidup dalam pelbagai aspek demi untuk kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat. Ia juga diertikan sebagai saluran air yang mengalir yang menjadi sumber minuman.

Hukum-hukum ini dinamakan syariah kerana lurus dan tidak menyimpang sistemnya dari matlamatnya, seperti landasan yang lurus tidak ada bengkang-bengkok. Berdasarkan penjelasan di atas maka syariat Islam dari segi istilah syara' adalah "semua hukum yang diciptakan oleh Allah untuk hambanya sama ada hukum - hukum ini diperundangkan melalui al-Qur'an atau as-Sunnah.

Islam meraikan kehendak dan keperluan manusia dalam beberapa perkara seperti, *Daruriyyat* iaitu kehidupan manusia tidak akan wujud dengan ketiadaannya. Perkara-perkara *daruriyyat* ini perlu untuk menjaga akal, agama, jiwa, keturunan dan harta. *Hajiyat* pula merupakan perkara yang diperlukan manusia untuk hidup. Namun manusia hidup tanpa kewujudannya. Dan *Tahsiniyyat* iaitu perkara yang diperlukan manusia untuk hidup lebih mulia. Contohnya Islam mewajibkan menutup aurat

tetapi cara penutupan mengikut tempat dan suasana. Ia lebih mirip kepada unsur kesempurnaan kemewahan.

Kesejagatan perundangan syariah Islam, umum untuk seluruh manusia dan tidak menerima sebarang pembatalan dan tukar ganti, sudah pasti segala peraturan dan hukum-hukumnya itu dapat mencapai kepentingan manusia sepanjang zaman dan disemua tempat dan mampu memenuhi segala keperluan yang dihajati oleh manusia setiap masa, dijadikannya sebagai penutup semua syariat, peraturan, prinsip dan hukum-hukumnya sesuai dilaksanakan untuk semua masa dan tempat.<sup>2</sup>

Perbincangan tentang ciri-ciri dan keistimewaan perundangan syariah tidak diperoleh secara khusus dalam al-Qur'an, al-Hadith mahupun penulisan para ulama' silam. Namun, berdasarkan pemerhatian dan kajian yang teliti, mendalam serta objektif terhadap ajaran dan isi kandungan syariah, maka kita dapat simpulkan bahawa perundangan syariah mempunyai beberapa ciri dan keistimewaan unggul seperti berikut:<sup>3</sup>

### **Rabbani (Ketuhanan)**

*Rabbani* atau ketuhanan bermaksud segala hukum, konsep, nilai dan peraturan yang terdapat di dalam perundangan syariah adalah ditetapkan dan diwahyukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Ia bukanlah hasil pemikiran dan ciptaan manusia. Peranan manusia hanyalah sekadar memahami, memperkembangkan dan melaksanakannya dalam kehidupan mereka.

### **Al-Thabat wa al-Murunah (Tetap dan anjal)**

*Thabat* bermaksud tetap atau tidak berubah. Dalam konteks syariah, ada perkara yang telah tetap dan tidak boleh dipinda dan diubah-ubah dasar, prinsip dan perlaksanaannya. *Al-Murunah* (anjal) pula bermaksud bahawa selain daripada perkara-perkara pokok dan dasar yang tidak boleh berubah, terdapat juga perkara-perkara ranting dan cabang yang boleh berubah mengikut kesesuaian dengan perubahan *maslahah* manusia sepanjang peredaran zaman.

### **Waqi'iyyah (Realistik)**

*Waqi'iyyah* bermaksud syariah bersifat praktikal dan realistik iaitu bersesuaian dengan realiti kehidupan manusia. Syariah sentiasa seiring dengan kenyataan hidup manusia. Dalam menetapkan sesuatu hukum

<sup>2</sup>

<http://azizharjinesei2015oktober.blogspot.com/2015/10/tamadun-islam-adalah-tamadun-bersifat.html>

<sup>3</sup>

[https://mawdoo3.com/%D8%AE%D8%B5%D8%A7%D8%A6%D8%B5\\_%D8%A7%D9%84%D8%B4%D8%B1%D9%8A%D8%B9%D8%A9\\_%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%B3%D9%84%D8%A7%D9%85%D9%8A%D8%A9](https://mawdoo3.com/%D8%AE%D8%B5%D8%A7%D8%A6%D8%B5_%D8%A7%D9%84%D8%B4%D8%B1%D9%8A%D8%B9%D8%A9_%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%B3%D9%84%D8%A7%D9%85%D9%8A%D8%A9) dilihat pada 7/8/2019, pkl 9.15 am

<sup>1</sup> Lihat: Mustafa Ahmad al-Zarqa. (2014). *Introduction to Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: IBFIM, m.s 9-10

atau peraturan, syariah sentiasa mengambil kira realiti semasa, setempat dan adat yang diamalkan.

### **Tawazun (Keseimbangan)**

*Tawazun* bermaksud ajaran syariah memberikan perhatian yang seimbang kepada semua aspek kehidupan manusia; dari segi individu dan masyarakat, rohani dan jasmani, kebendaan dan kerohanian serta dunia dan akhirat.

### **Syumul (Menyeluruh)**

*Syumul* bermaksud syariah merupakan ajaran Ilahi yang sempurna dan menyeluruh serta mencakupi segala aspek kehidupan setiap manusia. Allah Subhanahu Wata'ala memiliki segala sifat kesempurnaan dan pengetahuan. Semua aspek kehidupan manusia dijelaskan dan diberikan panduan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam wahyu-Nya.

### **'Alamiyyah (Sejagat)**

*'Alamiyyah* bermaksud syariah merupakan ajaran Ilahi yang universal, tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang. Malah, syariah sesuai untuk semua manusia, setiap bangsa dan tidak terbatas pada masa-masa tertentu. Aspek '*'alamiyyah*' merangkumi tiga bidang utama iaitu syariah, akhlak dan akidah.

### **Wasatiyyah (Kesederhanaan)**

*Wasatiyyah* ialah elemen yang sangat penting dalam syariah. Syariah menolak semua unsur ekstremisme dalam kehidupan manusia. Sikap melampau bukan sahaja ditegah dalam aspek kehidupan di dunia seperti pemakanan, mengumpul harta dan sebagainya. Malahan, dalam aspek keakhiran seperti beribadat dan berzikir, sekiranya dilakukan secara melampau, juga tidak dibenarkan.

### **Era Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah**

Kembang majunya sebuah negara sama ada negara maju mahupun yang sedang membangun adalah ditentukan oleh kepemimpinan negara berkenaan. Ini berasaskan kepada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:<sup>4</sup>

نعم الشيء الإمارة لمن أخذها بحلها وبحقها  
وينس الشيء الإمارة لمن أخذها بغير حقها وحلها

Sultan di dalam institusi beraja Negara Brunei Darussalam memerintah dan menjadi ketua negara dan seterusnya menjadi ketua pentadbir bagi pentadbiran dan pengurusan negara dan kerajaan. Kuasa Sultan yang telah dinyatakan di bawah Perlembagaan adalah seperti berikut:

*"... Kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negara Brunei Darussalam adalah terletak di dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan..."*

Di mana kuasa yang diamanahkan di bawah Perlembagaan kepada Baginda ini ditumpukan bagi kebajikan, kesejahteraan serta keamanan rakyat dan penduduk. Ke arah itu, Baginda telah menekankan dan menggariskan ciri-ciri pentadbiran dan pengurusan jentera kerajaan yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi hasrat Baginda dan hasrat negara bagi sebuah negara yang aman makmur.<sup>5</sup>

Dalam kurun masa 50 tahun ini, di bawah pemerintahan Baginda Sultan *-Hafizahullah Wara'ahu*, Brunei telah berkembang maju dalam setiap bidang seperti pendidikan, kesihatan, kebajikan, perundangan, keagamaan, persediaan tentera, perkhidmatan sosial, sukan dan sebagainya. Negara terus menikmati keamanan dan kesejahteraan dengan keadaan ekonomi yang menjadi peneraju pada perkembangan sesebuah negara

"Meskipun bergantung pada eksport minyak dan gas untuk menampung ekonomi negara, baginda telah membawa negara keluar daripada kekalutan walaupun ketika kemelesetan ekonomi yang menjelaj Asia Tenggara lain pada tahun 1997 dan selepas itu. Rakyat Brunei tidak terjejas daripada kesan negatif kegawatan ekonomi. Tanpa mengira situasi ekonomi, Brunei terus menyokong dasar kebajikannya dalam sektor perumahan, kesihatan dan pendidikan."<sup>6</sup>

Keberhasilan Baginda Sultan *-Hafizahullah Wara'ahu* dalam memerintah dan memimpin negara dan rakyat Brunei Darussalam selama 50 tahun merupakan nikmat Rabbul Izzati yang besar untuk bangsa ini. Ia akan menjadi latar sejarah umat Brunei pada masa hadapan.

*"Apa yang penting ialah perayaan atau sambutan sebagai sifatnya 'petanda' bagi sejarah. Sejarah adalah 'lidah' zaman, yang akan berkata-kata kepada generasi demi generasi tanpa pernah mengenal penat atau bosan. Itulah harga sejarah,"*

titah baginda Sempena Awal Tahun Masihi 2017 berlangsung di Istana Nurul Iman yang menyentuh perayaan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun baginda menaiki takhta.

<sup>4</sup> Abu Ubaid, al-Qasim ibn Sallam. (2009). *Kitab al-Amwal*, peny. Prof Dr Muhammad Imarah. Kahirah: Dar al-Salam li al-Nashr, m.s 70

<sup>5</sup> <https://khairelameera.wordpress.com/2011/10/16/melayu-islam-beraja-mib-menjadi-penantu-calak-brunei/>

<sup>6</sup> <http://mediapermata.com.bn/kegemilangan-50-tahun/>

Sebagai Raja Pemedulian<sup>7</sup>, dalam 50 tahun pemerintahannya, baginda Sultan telah melihat ke hadapan dengan Wawasan Negara 2035 yang menggariskan dan memfokuskan kepada lapan strategi utama. Bagi memastikan kesemua aspek pembangunan dalam menuju Wawasan Brunei 2035 dapat di laksanakan secara sistematis dan berkesan. Strategi tersebut ialah Pendidikan, Ekonomi, Keselamatan, Pembangunan Institusi, Pembangunan Perniagaan Tempatan, Pembangunan Infrastruktur, Jaminan Sosial dan Strategi Alam Sekitar. Kelapan-lapan strategi ini akan terus diselaraskan dan dimajukan oleh pihak kerajaan, swasta dan juga pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dan akan dilaksanakan dengan lebih baik. Wawasan Brunei 2035 berhasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat berpendidikan tinggi, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.<sup>8</sup>

Ke arah mewujudkan kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, keterlibatan semua stakeholder negara yang menjadi pemungkin transformasi dalam proses transformasi negara adalah penting. Perubahan, penghijrahan dan transformasi adalah kemestian dalam usaha menuju negara yang maju dan dinamik yang mana ia memerlukan asas-asas pendekatan yang transformatif bagi mencapai cita-cita tersebut.

Sejarah Brunei Darussalam telah menunjukkan bahawa bangsa dan negara ini telah menjadi suatu bangsa yang berupaya untuk menghadapi dan mengharungi masa depan. Sistem pemerintahan beraja telah dapat membawa negara mencapai matlamat-matlamat dan sistem pemerintahan berdasarkannya telah dapat membawa kebijakan kepada masyarakat.

Di tambah dengan cita-cita Negara Zikir dan ke arah *Baldatun Tayyibatun Wa Rab bun Ghafur* maka keberhasilan, kecermelangan dan kegemilangan Brunei Darussalam dalam masa 50 tahun yang lalu dan seterusnya di kemudian hari akan sentiasa berdasarkan panduan wahyu sebagai hasrat Raja Pemedulian -*Hafizahullah Wara'ahu*. Baginda Sultan -*Hafizahullah Wara'ahu*-menegaskan:

*"Adapun tunduk kepada al-Qur'an dan al-Hadits itu, memang ia dituntut oleh ugama sebagai wajib. Kerana inilah sahaja satu-satunya jaminan, untuk memperolehi kebahagiaan di dunia dan di akhirat."*

(Titah Perasmian Majlis Ilmu 2015 sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-69 Tahun Pada Hari Isnin 27hb Muharram 143709hb November 2015)

Dengan melaksanakan seluruh sistem Islam dalam kehidupan, kepimpinan Baginda Sultan -*Hafizahullah Wara'ahu*-, telah membuat ramai orang bukan Islam tertarik kepada Islam bukan sahaja kerana mengkaji hasil tulisan berkaitan Islam tetapi melalui penghayatan akhlak dan seluruh ajaran Al-Quran dalam kehidupan sehari-hari oleh umat Islam. Sebagai contoh, gagasan Negara Zikir yang diperkenalkan semenjak dititahkan oleh Baginda Sultan -*Hafizahullah Wara'ahu*- telah menjadi pengukur negara dalam melaksanakan apa juar projek di pelbagai sudut, di samping sebagai sukat-sukat dalam pemerintahan baginda. Rakyat dan penduduk negara ini penuh yakin bahawa gagasan ini telah berjaya dan akan berjaya mempertahankan Brunei daripada anasir-anasir jahat dari dalam dan luar negara yang cuba meruntuhkan institusi negara yang memartabatkan Islam sebagai cara hidup pemimpin Brunei dan rakyatnya. Dan kita juga penuh yakin bahawa Brunei boleh dijadikan role model kepada negara lain yang ingin mengembalikan ketuanan Islam di dalam negara mereka. Oleh yang demikian, Negara Brunei Darussalam hendaklah terus-menerus mengamalkan zikir dalam siasah, dalam sistem pertahanan, dalam sistem ekonomi dan dalam sistem sosial untuk kekal menjadi Negara Zikir. Bagi merealisasikan kehendak-kehendak Negara Zikir, kita dapat melihat pelbagai contoh yang telah dilaksanakan oleh Baginda Sultan -*Hafizahullah Wara'ahu*- antaranya, ialah membaca Al-Quran sebelum memulakan tugas. Ini kerana kekuatan umat Islam adalah pada Al-Quran. Allah menetapkan agar manusia sentiasa mengingati betapa pentingnya berpegang teguh dengan ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran, bukan semata-mata membaca dan memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran tetapi terus mengambil inspirasi dari Al-Quran untuk dijadikannya sebagai dasar dan asas panduan dalam menempuh kehidupan.

### Perlaksanaan Perundangan Syariah Mercu Tanda Kegemilangan Islam Kontemporari

Baginda Sultan -*Hafizahullah Wara'ahu*- adalah pemimpin tertinggi agama Islam. Agama Islam semakin bertapak kukuh tatkala Sultan memimpin negara ke arah pencapaian matlamat ideal untuk menjadi negara Islam sebenar dengan memperkuuh undang-undang dan amalan syariah. Sudah tentunya ia merupakan satu tugas yang sukar untuk menyesuaikan agama dengan undang-undang umum Inggeris yang sudahpun berakar berumbi dalam jiwa dan undang-undang rakyat.

Di negara Brunei Darussalam menurut sejarah, sistem undang-undang Islam telah lama wujud dan ia

<sup>7</sup> Jabatan Perkembangan Kurikulum et al. (2015). *Buku Sejarah Sultan-Sultan Brunei*. Brunei Darussalam: Juta Jaya, m.s. 31.

<sup>8</sup> Pelita Brunei Keluaran Khas. 22 Februari 2017.

merupakan sistem keadilan asal di negara ini. Namun ia semakin mengecil dari berbagai sudut termasuk bidangkuasanya setelah adanya campurtangan Inggeris dalam pentadbiran negara. Kemudian keadaan dapat diperbaiki dan semakin baik dari tahun ke tahun khasnya dalam 50 tahun pemerintahan Baginda Sultan -*Hafizahullah Wara'ahu-* dengan tertubuhnya Mahkamah-Mahkamah Syariah. Tertubuhnya Mahkamah-Mahkamah Syariah boleh dianggap sebagai mengembalikan ke zaman kegemilangan Brunei dengan Undang-Undang Islam yang pernah wujud pada satu ketika dahulu. Baginda Sultan -*Hafizahullah Wara'ahu-* bertitah:

*"Brunei bukanlah baru dengan Undang-Undang Allah tetapi sejak sebelum Abad Ke-17 lagi sudah pun memakainya, hanya oleh kerana campurtangan dari kuasa asing maka Brunei terpaksa atau lebih tepat dipaksa untuk meninggalkannya.*

*Sekarang Brunei sudah pun merdeka, berkuasa penuh untuk menguruskan dirinya sendiri dan dengan kuasa memerintah pula berada dalam tangan orang Islam, maka tidakkah bagi penguasa Islam dan umat Islam yang bernaung di bawahnya wajib untuk mengembalikan semula Undang-Undang Allah itu di bumi ini."*

(Titah sempena Mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei, 16 Mac 2011)

Kegemilangan dan kecermelangan negara merupakan hasrat Baginda Sultan -*Hafizahullah Wara'ahu-* yang tidak boleh diragui dan dipertikaikan lagi. Ia ditegaskan semula sebagaimana dititahkan baginda dalam titah perasmian Majlis Ilmu 2008 sempena Hari Keputeraan Baginda Yang ke-62 Tahun. Titah Baginda:

*"Dengan konsep Negara Zikir, kita insya Allah, akan membangun Negara dan kehidupan, dengan perkara-perkara yang dipandang baik serta bagus oleh Allah dan juga oleh manusia. Kita akan usahakan kecemerlangan dengan konsep ini".*

Sambung Baginda:

*"Ertinya, anak-anak kita cemerlang dalam pelajaran, orang teknikal kita cemerlang, doktor kita cemerlang, pentadbir kita cemerlang, pemimpang polisi kita cemerlang, pendeknya semua kita ini adalah cemerlang kerana keramah dan berkat zikir (ingatan kepada Allah)".*

Undang-undang yang digunakan di Brunei pada ketika sebelum perjanjian persahabatan antara Brunei dengan Inggeris pada tahun 1908 adalah undang-undang Islam yang berdasarkan hukum syaria' iaitu merujuk kepada *Hukum Kanun Brunei*.

Pada tahun 1908 Masehi setelah dengan secara rasminya kerajaan Brunei mengikat perjanjian persahabatan dengan kerajaan Inggeris, undang-undang Islam terhad mengenai nikah cerai orang-orang Islam atau lebih terkenal dengan undang-undang diri sahaja (personal law) yang terkenal dengan *Muhammadans Laws*. Jadi dengan perjanjian persahabatan itu undang-undang Islam yang perkasa sebelum itu hanya dihadkan mengenai kesalahan-kesalahan mengenai ibadat dan peraturan keluarga khususnya nikah dan cerai orang-orang Islam dan peraturan pendaftarannya sahaja. Manakala dalam kes-kes jenayah undang-undangnya hanya untuk menjatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada sepuluh (10) ringgit dan penjara tidak lebih daripada 14 hari.<sup>9</sup>

Kemudian perundangan Islam dinaiktarafkan sedikit dengan digubalnya Undang-Undang Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 dan dikuatkuasakan pada tahun 1956.

Pada tahun 1984 semasa penyemakan semula Undang-Undang Brunei (Revision of Laws Brunei), Undang-Undang Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 telah turut disemak semula dan telah mengalami beberapa pindaan, di samping menukar namanya kepada Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Pindaan 1984.

Dengan pindaan yang signifikan dalam Akta baru itu maka bermulalah era Islamisasi pelbagai undang-undang yang disesuaikan dengan kehendak syarak. Perundangan Islam bertambah rancak dan gemilang dalam pemerintahan Baginda Sultan -*Hafizahullah Wara'ahu-* sejak 1984 ini. Jika sebelum Pertabalan Baginda sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 5 Oktober 1967 perundangan syariah hanya ada satu sahaja iaitu Undang-Undang Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955, maka selepas Pertabalan telah diundang-undangkan lebih dari 20 akta dan perintah darurat. Bilangan ini menghampiri 10% dari 200 lebih bilangan akta dan perintah di Brunei Darussalam.

<sup>9</sup> Annual Report of The State of Brunei 1933, Cap XIII

Dalam melaksanakan undang-undang dan peraturan-peraturan Islam Negara Brunei Darussalam telah mewartakan dan menguatkuasakan undang-undang seperti berikut:

- Akta Daging Halal (Penggal 183)
- Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184)
- Perintah Darurat ( Undang-Undang Keluarga Islam), 1999
- Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, 2001
- Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001
- Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002<sup>10</sup>

Jika kita senaraikan kesemua akta dan perintah yang berkenaan dengan undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam, maka akan kita dapati setidaknya akta-akta dan perintah-perintah beikut:

1. Undang-Undang Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955
2. Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Pindaan 1984
3. Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Penggal 163, 1991
4. Akta Perbankan Islam, Penggal 168, 1992
5. Akta Daging Halal, (Penggal 183) 1998
6. Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998
7. Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999
8. Perintah Keterangan Keterangan Islam, 2001
9. Akta Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, (Penggal 206) 2001
10. Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184), 2001
11. Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184) – Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syar'ie), 2002
12. Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002

<sup>10</sup> "Kertaskerja Tema: Memperkasa Iltilam Kehidupan Berugama - Negara Brunei Darussalam", Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Kali ke-32, 14-15 November, 2007, Bandar Seri Begawan, m.s 23.

13. Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005
14. Perintah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Pindaan) 2005
15. Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005
16. Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 – Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Bayaran dan Kos Mahkamah), 2005
17. Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006
18. Perintah Perbankan Islam 2008
19. Perintah Takaful, 2008
20. Perintah Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan), 2010
21. Perintah Pendidikan Ugama Wajib, Penggal 215, 2012
22. Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) 2012
23. Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 – Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (*Sulh*), 2013
24. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013
25. Perintah Takaful 2008 - Peraturan-Peraturan Takaful (Pindaan), 2015
26. Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217, 2015
27. Perintah Kanun Peraturan Mahkamah Jenayah Syariah, 2016

Penggubalan dan penyelarasian undang-undang Brunei Darussalam dengan kehendak hukum syarak adalah hasrat murni Baginda Sultan. Baginda Sultan *-Rahimahullah Wara'ahu-* bertitah:

*"... Apa yang perlu dibuat oleh Majlis Ugama Islam ialah untuk melantik sebuah Jawatankuasa yang terdiri dari pegawai-pegawai ugama dan peguam-peguam dari Jabatan Peguam Negara serta seorang dua yang mahir mengenai dengan 'adat resam dan kebudayaan Negeri Brunei. Pada masa ini terdapat ramai pegawai-peguam ugama yang terdiri dari anak-anak tempatan yang telah lulus dari University Al-Azhar dalam bidang pengajian Ugama Islam dan mereka ini seharusnya matang dalam bidang Undang2 Islam dan dapat memberi cadangan bagi meminda undang-undang*

*yang ada sekarang untuk diselaraskan dengan Undang-Undang Islam, sesuai dengan keadaan Negeri Brunei dan 'adat serta kebudayaan orang melayu Brunei yang telah kita warisi sejak berkurun-kurun lamanya yang tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak Ugama Islam."*

(Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Warkah bil: HHPO 14/1965 bertarikh 05hb. Disember, 1979)

Pihak yang bertanggung jawab melaksanakan perundangan syariah di atas adalah Mahkamah Syariah Brunei Darussalam yang dalam era Baginda Sultan -*Hafizahullah Wara'ahu*- telah dinaiktarafkan kedudukannya setinggi-tingginya.

*"Dengan rasa keimanan yang bulat terhadap peraturan dan undang-undang Allah, maka Beta telah memperkenankan penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah sehingga ke tahap yang setinggi-tingginya, bagi menangani bukan sahaja pentadbiran undang-undang keluarga, malahan juga di ketika yang sesuai dan munasabah akan juga mengendalikan Qanun Jina'i Islam yakni Islamic Criminal Act selengkapnya, sebagaimana yang dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala"*

(Petikan titah KDYMM pada 15hb Julai 1996 di Istana Nurul Iman)

### **Hukum Syara' dan Perundangan Syariah di Brunei Darussalam**

#### *Akta-akta am*

- 1) Undang-Undang Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955

Penggal (Jika berkenaan):

Tahun: 1955

Tarikh Berkuatkuasa: 1 Februari 1956

Bilangan Bahagian: XI

Bilangan Peruntukan/Bab: 205

Penjelasan Ringkas: Walaupun peruntukan undang-undang ini lebih luas dan menyeluruh dari undang-undang sebelumnya, namun isi kandungannya masih lagi berkisar dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Undang-Undang Diri. Kuasa dalam bidang jenayah terhad kepada kesalahan-kesalahan khalwat,

persetubuhan haram dan minum arak yang dibicarakan di Mahkamah Kadi sementara kesalahan-kesalahan membunuh, mencuri dan merogol dibicarakan di bawah kuasa Mahkamah Awam. Peruntukan undang-undang ini hanya berkuatkuasa ke atas orang Islam sahaja. Manakala undang-undang mengenai perkahwinan dan perceraian hanya terpakai kepada orang Islam sahaja dan perkahwinan tersebut hendaklah mengikut hukum syarak.<sup>11</sup>

- 2) Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Pindaan 1984

Gelaran: Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi

Penggal (Jika berkenaan): 77

Tahun: 1984

Tarikh Berkuatkuasa: 1 Februari 1956

Bilangan Bahagian: XI

Bilangan Peruntukan/Bab: 205

Penjelasan Ringkas: Pada tahun 1984 semasa penyemakan semula Undang-Undang Brunei (*Revision of Laws Brunei*), Undang-Undang Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 telah turut disemak semula dan telah mengalami beberapa pindaan, disamping menukar namanya kepada Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Pindaan 1984. Pindaan ini telah membawa perubahan struktur Mahkamah Kadi dan bidangkuasa Kadi. Bidangkuasa Mahkamah Kadi (bukan bidang kuasa Mahkamah Kadi Besar) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam dan yang boleh dihukum di bawah Akta ini yang mana hukuman maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang tidak melebihi hukuman penjara selama satu bulan atau denda sebanyak \$1000 atau kedua-duanya sekali.<sup>12</sup>

*Pertama: Perlaksanaan Perundangan Syariah Dalam Ibadah*

- 1) Akta Daging Halal, (Penggal 183) 1998

Gelaran:

<sup>11</sup> Datin Dr. Hajah Saadiah DDW Hj Tamit. (2006). "Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Negara Brunei Darussalam Pada Zaman British" Kertas kerja ini disampaikan dalam Seminar Sejarah Brunei III Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke 22 Tahun 2006, pada 8-9hb March 2006M/ 8-9 Safar 1427H bertempat di Dewan Persidangan 2, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei.

<sup>12</sup> Pelita Brunei, 28 Disember 2008.

Penggal (Jika berkenaan): 183

Tahun: 1998

Tarikh Berkuatkuasa: 17 April 1999

Bilangan Peruntukan/Bab: 16

Penjelasan Ringkas: Ia merupakan aturan-aturan bagi mana-mana pihak yang berhasrat hendak mendapatkan Permit Import Halal.

2) Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005

Gelaran:

Penggal (Jika berkenaan):

Tahun: 2005

Tarikh Berkuatkuasa: 2005

Bilangan Bahagian: VII

Bilangan Peruntukan/Bab: 51

Penjelasan Ringkas: Perintah bagi mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan menyediakan makanan untuk dimakan oleh manusia di suatu tempat selain daripada kemudahan pemprosesan produk hendaklah memohon kepada Majlis bagi suatu sijil. Dasar pindaan tersebut mewajibkan permohonan sijil halal dan permit halal ke atas pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Brunei, ia adalah untuk meluaskan skop pensijilan halal kepada produk perubatan, kosmetik, barang gunaan, dan perkhidmatan (logistik) dan bagi memperkenalkan dan menguatkuasakan kesalahan-kesalahan yang boleh di kompaun.

3) Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) 2012

Tahun: 11 Februari 2012

Bilangan Peruntukan/Bab: 7

Penjelasan Ringkas: Ia sebagai tambahan kepada Perintah sebelumnya.

4) Akta Pendidikan Ugama Wajib, Penggal 215, 2012

Gelaran:

Penggal (Jika berkenaan): 215

Tahun: 2012

Tarikh Berkuatkuasa: 1 Januari 2013

Bilangan Peruntukan/Bab: 16

Penjelasan Ringkas: Satu undang-undang khas telah digubal yang dikenali sebagai Akta Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013. Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan ugama dan bagi perkara-perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya". Tiap-tiap ibu bapa hendaklah, jika anaknya adalah seorang kanak-kanak yang berumur wajib bersekolah ugama pada 01 Januari dalam tahun bersekolah semasa (2013), memastikan bahawa anaknya itu didaftarkan sebagai seorang murid di sebuah sekolah ugama pada tahun itu dan terus menjadi seorang murid bagi tempoh pendidikan ugama wajib. Ibu bapa yang melanggarinya adalah melakukan suatu kesalahan. dan tempoh pendidikan ugama yang disediakan di sebuah sekolah ugama yang dirancang untuk selama 7 tahun tetapi boleh tamat antara 7 dan 8 tahun.

Kedua: Perlaksanaan Perundangan Syariah Dalam *Mu'amalat*

1) Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Penggal 163, 1991

Penggal (Jika berkenaan): 163

Tahun: 1991

Tarikh Berkuatkuasa: 29 September 1991

Bilangan Bahagian: VI

Bilangan Peruntukan/Bab: 36

Penjelasan Ringkas: Ia adalah satu akta untuk melibatkan diri di dalam urusan-urusan kewangan Islam di Brunei, sama ada bagi tujuan pengumpulan wang dan melabur melalui suatu sistem simpanan kewangan atau saving scheme tanpa riba. ia memperuntukkan beberapa matlamat, termasuklah bagi menguruskan suatu tabung yang digelar dengan Tabung Amanah Islam Brunei; di samping untuk melaksanakan pengendalian bank, pembiayaan perdagangan dan pelaburan, mengambil bahagian dalam projek-projek pembangunan industri dan ekonomi sama ada di dalam atau di luar negara dan lain-lain matlamat yang mungkin ditentukan dari masa ke semasa.

2) Akta Perbankan Islam, Penggal 168, 1992

Penggal (Jika berkenaan): 168

Tahun: 1992

Tarikh Berkuatkuasa: 2 Disember 1992

Bilangan Bahagian: VII

Bilangan Peruntukan/Bab: 53

Penjelasan Ringkas: Sebuah akta yang mengatur tentang penubuhan dan perlaksanaan berkaitan dengan perbankan Islam di Negara Brunei Darussalam. Semua perbankan Islam dikawalselia oleh Akta ini.

3) Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002

Tahun: 2002

Tarikh Berkuatkuasa: 1 Ogos 2005

Bilangan Peruntukan/Bab: 37

Penjelasan Ringkas: Perintah yang diperuntukkan bagi pengawalseliaan pajak gadai atau *ar rahnu* dalam fekah Islam.

4) Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006

Tahun: 2006

Tarikh Berkuatkuasa: 9 Februari 2008

Bilangan Peruntukan/Bab: 24

Penjelasan Ringkas: Suatu Perintah yang mengatur suatu Lembaga yang menjadi autoriti untuk memastikan Undang-Undang Islam bagi maksud perniagaan bank Islam, perniagaan takaful, perniagaan kewangan Islam, perniagaan pembangunan kewangan Islam dan sebarang perniagaan lain yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip syariah dan yang diawasi dan dikawalselia oleh Pihak Berkuasa.

5) Perintah Perbankan Islam 2008

Tahun: 2008

Tarikh Berkuatkuasa: 30 September 2008

Bilangan Bahagian: XI

Bilangan Peruntukan/Bab: 131

Penjelasan Ringkas: Sebagai ganti Akta Perbankan Islam Penggal 168 Tahun 1992 yang disesuaikan dengan perkembangan semasa.

6) Perintah Takaful, 2008

Penggal (Jika berkenaan):

Tahun: 2008

Tarikh Berkuatkuasa: 10 Mac 2009

Bilangan Bahagian: IV

Bilangan Peruntukan/Bab: 92

Penjelasan Ringkas: Suatu Perintah yang mengawalselia industry takaful atau insuran Islam di Brunei Darussalam.

7) Peraturan-Peraturan Takaful (Pindaan), 2015

Tahun: 2015

Tarikh Berkuatkuasa: 10 Mac 2009

Bilangan Peruntukan/Bab: 5

Penjelasan Ringkas: Suatu Pindaan ke atas Peraturan 4 dari S 101/2008, Paraturan 5 dan Peraturan 6 Perintah Takaful 2008.

*Ketiga:* Perlaksanaan Perundangan Syariah Dalam Munakahat

1) Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999

Tahun: 1999

Tarikh Berkuatkuasa:

Bilangan Bahagian: X

Bilangan Peruntukan/Bab: 147

Penjelasan Ringkas: Perintah yang mengatur fikah munakahat di Brunei Darussalam. Dengan perkataan lain ia merupakan undang-undang yang diperuntukkan bagi pendaftaran perkahwinan, perceraian, pembatalan dan ruju' orang Islam.

2) Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, menjadi Akta Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, (Penggal 206) 2001

Gelaran:

Penggal (Jika berkenaan): 206

Tahun: 2001

Tarikh Berkuatkuasa:

Bilangan Bahagian: III

Bilangan Peruntukan/Bab: 25

Penjelasan Ringkas: Perintah yang diperuntukkan bagi pengangkatan kanak-kanak di Negara Brunei

Darussalam dan bagi memperuntukkan perkara-perkara yang berksampingan dengannya.

- 3) Perintah Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan), 2010

Tahun: 2010

Penjelasan Ringkas: Sebagai salah satu usaha dalam menangani isu mengenai keganasan rumah tangga, Brunei telah membuat pindaan dengan memasukkan komponen keganasan rumah tangga pada Bahagian V A dalam Perintah Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan), 2010. Di dalam Perintah Undang-Undang Keluarga Islam, Keganasan Rumah Tangga dimaksudkan sebagai "Dharar Syar'ie" iaitu istilah Bahasa Arab yang membawa maksud Keganasan Rumah Tangga.

- 4) Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217, 2015

Penggal (Jika berkenaan): 217

Tahun: 2015

Bilangan Bahagian: X

Bilangan Peruntukan/Bab: 147

Penjelasan Ringkas: Akta ini merupakan pengemaskinian terhadap Perintah Undang-Undang Keluarga Islam 1999.

*Keempat:* Perlaksanaan Perundangan Syariah Dalam 'Uqabat

- 1) Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998

Tahun: 1998

Bilangan Bahagian: IV

Bilangan Peruntukan/Bab: 33

Penjelasan Ringkas: Perintah yang diperuntukkan berkenaan dengan Mahkamah-Mahkamah Syariah.

- 2) Perintah Keterangan Keterangan Islam, 2001; (Pindaan) 2014

Bilangan Bahagian: III, Penggal V

Bilangan Peruntukan/Bab: 165

Penjelasan Ringkas: Perintah yang mengatur cara pembuktian menurut syarak kes-kes di Mahkamah Syariah berkenaan dengan beberapa cara termasuk ikrar, kesaksian dan *shahadah, yamin, dan qarinah*.

- 3) Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184), 2001; dari Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998

Penggal (Jika berkenaan): 184

Tahun: 2001

Tarikh Berkuatkuasa: 26 Mac 2001

Bilangan Bahagian: IV

Bilangan Peruntukan/Bab: 33

Penjelasan Ringkas: Dengan adanya perubahan yang dilakukan dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Pindaan 1984, ianya masih belum mencukupi dan memadai dengan perubahan yang berlaku di Mahkamah Sivil. Ini adalah kerana beberapa perkara yang masih nampak jurang perbezaan dan kedudukan Mahkamah Kadi yang masih nampak kecil bidang kuasaanya jika dibandingkan dengan Mahkamah Sivil. Pada tahun 1998 satu Perintah Darurat penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah telah dibuat pada 1hb Muharram 1422 Hijrah bersamaan dengan 26hb Mac 2001 Masehi di bawah Perintah Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184. Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah ini ada pernah dititahkan oleh Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada 15hb Julai 1996 sempena hari keputeraan baginda ke 50 tahun di Istana Nurul Iman. Dengan adanya titah tersebut dan peruntukan undang-undang telah digubal, maka satu perubahan besar telah berlaku dalam institusi perundangan di Negara Brunei Darussalam. Yang jelas, perubahan yang berlaku tersebut telah merubah struktur Mahkamah-Mahkamah Kadi yang sedia ada kepada struktur Mahkamah-Mahkamah Syariah. Perubahan yang besar tersebut juga membabitkan perubahan bidang kuasa Mahkamah Kadi daripada terhad kepada yang lebih luas. Apa yang turut berubah ialah nama Mahkamah-Mahkamah Kadi itu sendiri kepada Mahkamah-Mahkamah Syariah.<sup>13</sup>

- 4) Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184) - Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syar'ie), 2002

<sup>13</sup> Pelita Brunei, 28 Disember 2008.

Gelaran: Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syar'ie), 2002

Penggal (Jika berkenaan):

Tahun: 2002

Tarikh Berkuatkuasa: 22 Jun 2002

Bilangan Bahagian: V

Bilangan Peruntukan/Bab/Aturan: 33

Penjelasan Ringkas: Ia merupakan penjelasan yang merupakan aturan-aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah berkenaan dengan beberapa perkara yang perlu dijelaskan aturannya termasuk aturan-aturan berkenaan Guaman Syari'i.

5) Perintah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Pindaan) 2005

Tahun: 2005

Tarikh Berkuatkuasa: 31 Mac 2005

Bilangan Peruntukan/Bab/: 14

Penjelasan Ringkas: Ia sebagai penyempurnaan ke atas Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah yang sudah sedia ada.

6) Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005

Tahun: 2005

Tarikh Berkuatkuasa: 18 April 2005

Bilangan Bahagian: XXIV

Bilangan Peruntukan/Bab: 238

Penjelasan Ringkas: Perintah ini menjelaskan prosedur penfailan di Mahkamah Syariah yang berkenaan dengan kes mal. Terdapat 2 jenis mal yang boleh difaikkan di Mahkamah Syariah iaitu: Kes Tuntutan; dan Kes Permohonan.

7) Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 – Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Bayaran dan Kos Mahkamah), 2005

Gelaran: Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Bayaran dan Kos Mahkamah), 2005

Tahun: 2005

Bilangan Peruntukan/Bab/Aturan: 3

Penjelasan Ringkas: Ia sebagai penjelasan ke atas beberapa aturan Perintah sebelumnya.

8) Perintah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Pindaan), 2010

Tahun: 2010

Tarikh Berkuatkuasa: 20 April 2010

Bilangan Peruntukan/Bab: 2

Penjelasan Ringkas: Pemasukan bab-bab 27C dan 27B ke dalam Penggal 184 iaitu bab mengenai Kuasa-Kuasa Mahkamah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak boleh dipaksa untuk hadir di Mahkamah.

9) Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 – Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (*Sulh*), 2013

Gelaran: Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (*Sulh*), 2013

Tahun: 2013

Tarikh Berkuatkuasa: 22 Mei 2013

Bilangan Peruntukan/Bab/Aturan: 11

Penjelasan Ringkas: Penambahan bab *Sulh* (*compromise*) dalam Perintah sebelumnya.

10) Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013

Tahun: 2013

Tarikh Berkuatkuasa:

Bilangan Bahagian: V

Bilangan Peruntukan/Bab: 254

Penjelasan Ringkas: Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh atau tarikh-tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan Pemberitahuan yang disiarkan dalam Warta Kerajaan. Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 membuka lembaran baru dalam sistem perundangan Negara Brunei Darussalam dan membawa cabaran yang unik. Kanun Hukuman Jenayah Sivil (Penal Code) masih dikekalkan dan akan terus berjalan. Ini bermakna Negara Brunei Darussalam mempunyai dua sistem keadilan jenayah yang akan berjalan seiring. Persoalannya ialah adakah ini boleh dilaksanakan? Saya berharap penerangan ini akan memberikan

penjelasan bagaimana isu yang nampak pada zahirnya adalah sukar diselaraskan sebenarnya ada jalan penyelesaiannya.<sup>14</sup>

## Penutup

Daripada apa yang telah kita perhatikan di atas maka sudah sememangnya perlaksanaan perundangan syariah dalam era Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah -*Hazizahullahu Wara'ahu-* menjadi mercu tanda kegemilangan Islam kontemporari dalam ketamadunan Islam.

Pelaksanaan perundangan syariah diterima dengan tangan terbuka bahkan dengan penuh keredaan para pemimpin dan yang dipimpin di Negara Brunei ini kerena kesedaran semua pihak seperti yang ditegaskan oleh baginda Sultan -*Hazizahullahu Wara'ahu-* dengan titah baginda:

*"Bagi kita hubungan raja dengan rakyat bukanlah semata-mata berasaskan tradisi antara yang memerintah dengan yang diperintah tetapi juga dijalin oleh tanggungjawab secara timbal-balik, dalam makna sama-sama menunaikan amanah Allah Taala menurut batas-batas yang direldai-Nya."*

(Petikan Titah Sambutan Jubli Perak Pada 5 Oktober 1992)

Pelaksanaan perundangan syariah merupakan tanda keimanan yang tulus dalam melaksanakan perintah Allah *Subhanahu Wata'ala*, seperti yang tersirat dalam titah baginda Sultan -*Hafizahullahu Wara'ahu-* sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun pada 25hb. Sya'aban, 1433 / 15hb. Julai, 2012:

*"Bersukut dengan 66 tahun keputeraan Beta ini, dengan segala kesyukuran, yang akan melepaskan kita semua terutama Raja, dari dituntut oleh Allah Ta'ala pada Hari Kandila kelak, maka Beta dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Pemurah, setelah meneliti dan mendapat nasihat daripada Badan yang berkenaan, suka cita memaklumkan bahawa Beta telah memperkenankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah untuk dilaksanakan di Negara ini, namun dalam pada itu, peruntukan sivil atau ta'zir atau seakan-akan ta'zir akan terus juga diguna-pakai mengikut keperluan."*

<sup>14</sup> Datin Seri Paduka Hajah Hayati Binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh. (2014). "Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 Bagi Fasa Pertama", Sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, 30 April 2014, Pusat Persidangan Antarabangsa.

*Wallahu a'lam*

## Rujukan

Abdurrahman Raden Aji Haqqi.. (2011). *Kekuatan Siasah Syariah Hadapi Cabaran Global. Brunei Darussalam: Bahr Enterprise.*

Abdurrahman Raden Aji Haqqi. (2015). *Individu Ulul Albab Pakar Rujuk Masyarakat. Brunei: UNISSA Press.*

Abu Ubaid, al-Qasim ibn Sallam. (2009). *Kitab al-Amwal*, peny. Prof Dr Muhammad Imarah. Kahirah: Dar al-Salam li al-Nashr.

*Annual Report of The State of Brunei 1933, Cap XII*

Datin Dr. Hajah Saadiah DDW Hj Tamit. (2006). "Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Negara Brunei Darussalam Pada Zaman British" Kertas kerja ini disampaikan dalam Seminar Sejarah Brunei III Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei darussalam ke 22 Tahun 2006, pada 8-9hb March 2006M/ 8-9 Safar 1427H bertempat di Dewan Persidangan 2, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei.

Datin Seri Paduka Hajah Hayati Binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh. (2014). "Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 Bagi Fasa Pertama", Sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, 30 April 2014, Pusat Persidangan Antarabangsa

Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman. (1986). *Perlaksanaan dan Pentadbiran UndangUndang Islam di Negara Brunei Darussalam : Satu Tinjauan. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.*

Jabatan Perkembangan Kurikulum et al. (2015). *Buku Sejarah Sultan-Sultan Brunei. Brunei Darussalam: Juta Jaya.*

*Kertaskerja Tema: Memperkasa Iltlam Kehidupan Berugama - Negara Brunei Darussalam", Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Kali ke-32, 14-15 November, 2007, Bandar Seri Begawan.*

Mustafa Ahmad al-Zarqa. (2014). *Introduction to Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: IBFIM.

Pelita Brunei Keluaran Khas. 22 Februari 2017.

Pelita Brunei, 27 Disember 2008

Pelita Brunei, 28 Disember 2008.

Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Warkah bil: HHPO 14/1965 bertarikh 05hb. Disember, 1979

Prof. Dato Dr. Haji Mahmud Saedon b. Awang Othman 23hb.- 24hb. Julai 1996 Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Brunei, Kertas Kerja, Seminar Antarabangsa Pentadbiran Undang-Undang Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Perasmian Majlis Ilmu 2015 Sempena Sambutan Jubli Perak Pada 5 Oktober 1992.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Perasmian Majlis Ilmu 2015 Sempena Awal Tahun Masihi 2017.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Perasmian Majlis Ilmu 2015 Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun pada 25hb. Sya'aban, 1433 / 15hb. Julai, 2012

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadden Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Perasmian Majlis Ilmu 2015 Sempena Mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei, 16 Mac 2011.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena

Perasmian Majlis Ilmu 2015 sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-69 Tahun Pada Hari Isnin 27hb Muharram 143709hb November 2015.

<http://mediapermata.com.bn/kegemilangan-50-tahun/>

<https://mawdoo3.com/%D8%AE%D8%B5%D8%A7%D8%A6%D8%B5%D8%A7%D9%84%D8%B4%D8%B1%D9%8A%D8%B9%D8%A9%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%B3%D9%84%D8%A7%D9%85%D9%8A%D8%A9>  
dilihat pada 7/8/2019, pkl 9.15 am